

Belia ke PBB ‘buka mata’

MEWAKILI SINGAPURA: Encik Aslam gembira dapat menyertai sidang dalam Perhimpunan Belia Tahunan ke-12 di ibu pejabat PBB, New York, Amerika Syarikat, baru-baru ini yang dibiayai Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM), Yayasan Mendaki dan Angkatan Karyawan Islam (AMP). – Foto-foto ihsan ASLAM SHAH



“Kami warga belia harus memanfaatkan kebolehan menjana idea segar. Kami pun lebih bertenaga, jadi cara-cara kami pun lebih rencam. Saya tidak mahu mencapai sesuatu, lalu ada orang lain yang tidak memiliki apa yang saya miliki. Saya rasa ia tanggungjawab saya berusaha mencapai keadilan dalam masyarakat.”

– Encik Aslam Shah Iskhandar Shah

Mahasiswa guna pengalaman perkuat azam bantu masyarakat

► **NURUL'AIN RAZALI**
nrzali@sph.com.sg

PADA suatu ketika dulu, Encik Aslam Shah Iskhandar Shah pernah mengunjungi flat satu bilik yang didiami sebuah keluarga miskin.

Menurut Encik Aslam, 21 tahun, ketua keluarga itu mempunyai penyakit jantung, manakala anak-anak pula sering sakit-sakit.

Menyedihkan lagi, beliau memerhatikan barisan mi segera yang tersusun di dapur buat santapan keluarga tersebut saban hari.

“Ramai belia di Singapura memiliki sifat keakuan. Mereka pentingkan pelajaran sahaja dan tidak punya masa bagi perkara lain. Dalam hal ini, saya rasa belia harus didedahkan kepada kesusahan masyarakat.

“Sifat keakuan itu turut menghalang belia daripada menerokai peluang peringkat antarabangsa.

“Jika belia berjaya bersatu membantu mereka yang memerlukan, ini akan mempengaruhi belia lain untuk ikut sama lalu menyuntik kesan domino yang positif ke atas masyarakat,” ujar Encik Aslam.

Justeru, beliau bertindak mendedahkan dirinya kepada permasalahan masyarakat Singapura dan dunia, serta membantu mereka yang memerlukan sejak 2010.

Dalam usahanya itulah beliau berpeluang menyertai Perhimpunan Belia Tahunan ke-12 di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Bandar New York, Amerika Syarikat (AS), baru-baru ini.

Perhimpunan tiga hari itu diselenggarakan badan penganjur acara lawatan dan pertukaran antarabangsa, Yayasan Friendship Ambassadors (FAF), dan Institut Antarabangsa demi Keamanan yang bernaung di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

Mahasiswa bidang sains hayat Universiti Nasional Singapura (NUS) itu dipercayai satu-satunya wakil Singapura ke perhimpunan tersebut tahun ini.

“Tuhan telah memilih saya menyertainya, justeru apabila saya pulang, saya mempunyai tanggungjawab memanfaatkan pengalaman ini agar masyarakat Singapura turut meraih kebbaikannya.

“Dulu, saya tidak mampu melihat di luar kepompong saya di Singapura. Saya terperangkap dalam kekusutan tuntutan pendidikan.

“Kini, mata saya terbuka dan jiwa saya terdorong. Kita harus lakarkan penyelesaian jan-



KENANGAN PERSAHABATAN YANG TERJALIN: Encik Aslam (berbaju kuning, tengah) mengambil gambar kenangan bersama wakil-wakil belia lain yang ditemui dalam perhimpunan tersebut.



MEWAKILI SINGAPURA: Encik Aslam gembira dapat menimba pengalaman semasa menyertai Perhimpunan Belia Tahunan ke-12 di ibu pejabat PBB, New York, Amerika Syarikat, baru-baru ini.

gka panjang agar masyarakat dapat berdaya tahan lebih lama lagi,” ujar Encik Aslam, yang kini bergiat sebagai relawan program Praxis, anjuran Kelab Mendaki (MClub).

Di Amerika, Encik Aslam berpeluang menyertai pelbagai sesi sidang, lawatan, bengkel dan menjalin rangkaian hubungan bersama rakan-rakan sebaya daripada segenap pelosok dunia.

Acara itu bertujuan menyatukan dan mendidik ratusan generasi pemimpin dunia terhadap isu-isu kemasyarakatan serta pencapaian pelbagai matlamat PBB.

Penyertaan Encik Aslam dibiayai Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM), Yayasan Mendaki dan Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Menjelang hujung tahun ini atau awal tahun depan, Encik Aslam berharap dapat menyampaikan usulan membina laman Internet di mana seluruh warga dunia dapat berkongsi kisah menyentuh hati demi menyuntik inspirasi kepada semua, kepada CLF Labs – Yayasan Mendaki.

“Kami warga belia harus memanfaatkan kebolehan menjana idea segar. Kami pun lebih bertenaga, jadi cara-cara kami pun lebih rencam.

“Saya tidak mahu mencapai sesuatu, lalu orang lain tidak memiliki apa yang saya miliki. Saya rasa ia tanggungjawab saya berusaha mencapai keadilan dalam masyarakat,” ujar Encik Aslam.